

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Isnin, 28 Oktober 2024

KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA, SEPTEMBER 2024

Harga eksport dan import Malaysia masing-masing merosot 0.6 peratus dan 1.9 peratus pada September 2024 disumbangkan terutamanya oleh minyak galian.

PUTRAJAYA, 28 OKTOBER 2024 – Harga eksport Malaysia pada September 2024 menurun 0.6 peratus daripada 150.3 mata pada bulan sebelumnya kepada 149.3 mata. Begitu juga, harga import jatuh 1.9 peratus daripada 129.5 mata kepada 127.1 mata manakala terma perdagangan Malaysia menokok 1.3 peratus bulan ke bulan kepada 117.5 mata pada September 2024, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), September 2024** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barang selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan, indeks nilai seunit eksport jatuh 0.6 peratus pada September 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-4.0%), barang-barang keluaran kilang (-1.4%) dan bahan kimia (-0.8%). Pada masa yang sama, indeks volum eksport susut 3.2 peratus selaras dengan penyusutan indeks barang-barang keluaran kilang (-12.4%), pelbagai barang keluaran kilang (-10.6%) dan minyak galian (-10.2%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim turut merosot 13.5 peratus daripada 170.3 mata kepada 147.3 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai


seunit naik 3.3 peratus manakala indeks volum jatuh 3.4 peratus.

Indeks nilai seunit import menurun 1.9 peratus pada September 2024, disumbangkan oleh penurunan indeks minyak galian (-9.8%), bahan kimia (-1.0%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.5%). Indeks volum import turut jatuh 8.5 peratus pada September 2024 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan dalam indeks bahan kimia (-18.5%), barang-barang keluaran kilang (-14.2%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-8.0%). Indeks volum import pelarasan bermusim merosot 18.2 peratus daripada 229.1 mata kepada 187.3 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import menyusut 1.4 peratus dan indeks volum bertambah 14.0 peratus.

Namun begitu, terma perdagangan Malaysia berkembang 1.3 peratus bulan ke bulan kepada 117.5 mata pada September 2024, didorong oleh kenaikan indeks minyak galian (+6.4%), makanan (+1.2%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+0.7%). Begitu juga, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun menokok 6.1 peratus daripada 110.7 mata pada September tahun lalu.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”. DOSM menyambut ulang tahun ke 75 Jubli Intan pada tahun 2024.



Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import
Januari 2022 – September 2024

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
 MALAYSIA
 JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
 28 Oktober 2024**

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, October 28th 2024

MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,
62514, Federal Territory Putrajaya
Telephone no. : 03 - 8090 4681

EXTERNAL TRADE INDICES, MALAYSIA, SEPTEMBER 2024

Malaysia's export and import prices down by 0.6 per cent and 1.9 per cent respectively in September 2024, mainly contributed by mineral fuels.

PUTRAJAYA, OCTOBER 28, 2024 – Malaysia's export prices in September 2024 slipped by 0.6 per cent from 150.3 points in the previous month to 149.3 points. Likewise, import prices fell 1.9 per cent to 129.5 points, while Malaysia's terms of trade grew 1.3 per cent month-on-month to 117.5 points in September 2024 as reported today in **EXTERNAL TRADE INDICES (2010=100), September 2024**. This publication presents the unit value index, volume index and terms of trade for 10 commodity sections of merchandise products in accordance with the Standard International Trade Classification (SITC).

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that the export unit value index edged down by 0.6 per cent in September 2024 as compared to the previous month. This decrease was primarily driven by declines in the indices of mineral fuels (-4.0%), manufactured goods (-1.4%) and chemicals (-0.8%). At the same time, the export volume index fell by 3.2 per cent in line with the decline in the index of manufactured goods (-12.4%), miscellaneous manufactured articles (-10.6%) and mineral fuels (-10.2%). The seasonally adjusted export volume index also declined by 13.5 per cent from 170.3 points to 147.3 points. Referring to the annual comparison, the unit value index up by 3.3 per cent while volume index drop by 3.4 per cent.

The import unit value index edged down 1.9 per cent in September 2024, contributed by the drop in the index of mineral fuels (-9.8%), chemicals (-1.0%) and machinery & transport equipment (-0.5%). The import volume index also decreased by 8.5 per cent in September 2024 as compared to previous month, contributed by the declined in the index of chemicals (-18.5%), manufactured goods (-14.2%) and machinery & transport equipment (-8.0%). The seasonally adjusted import volume index slipped by 18.2 per cent from 229.1 points to 187.3 points. A year-on-year comparison showed that the unit value index down by 1.4 per cent and volume index grew by 14.0 per cent

Nevertheless, Malaysia's terms of trade expanded 1.3 per cent month-on-month to 117.5 points in September 2024, driven by the increase in the index of mineral fuels (+6.4%), food (+1.2%) and machinery & transport equipment (+0.7%). Malaysia's terms of trade climbed 6.1 per cent year-on-year from 110.7 points in September previous year.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75th Diamond Jubilee in 2024.




Chart 1: Month-on-Month Percentage Change of Export & Import Unit Value Indices

January 2022 – September 2024

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN
MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA
28 OCTOBER 2024**